



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR SABAH**

**TATACARA PERMOHONAN
MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM REZAB JALAN NEGERI
TAHUN 2011**

Agensi Berkaitan



**JABATAN KERJA RAYA
SABAH**

KANDUNGAN

TAJUK	M/S
1. Peruntukan Undang-Undang	1
2. Prinsip Asas	2
3. Kawasan Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Mendirikan Struktur Paparan Iklan	3
4. Kawasan Yang Dilarang Mendirikan Struktur Paparan Iklan	4
5. Jenis-Jenis Struktur Paparan Iklan Yang Dibenarkan	5
6. Keperluan Rekabentuk Dan Saiz Struktur Paparan Iklan	6
7. Bayaran Yang Dikenakan	
i. Bayaran Fi Pemprosesan	8
ii. Bayaran Caj Sewaan	8
8. Wang Cagaran	11
9. Insuran Tanggungan Awam	13
10. Proses Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan	13
11. Permohonan Melanjutkan Tempoh Kelulusan	15
12. Permohonan Mendirikan Paparan Iklan Selepas Mendapat Kelulusan Menaja Struktur Kemudahan Awam Jejantas Pejalan Kaki	16
13. Syarat-Syarat Lain Yang Perlu Dipatuhi	16
14. Penyelenggaraan Struktur Paparan Iklan Secara Tahunan	17
15. Tamat Tempoh Kelulusan.....	17

Appendix

- i. Carta Alir: Proses Kerja Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri
- ii. Borang Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri – Borang PI-1/JKR
- iii. Perakuan Setuju Terima – Borang PI-1A/JKR
- iv. Perakuan Pelan-Pelan Struktur Dan Pelan Lokasi – Borang PI-2/JKR
- v. Borang Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Kelayakan Bagi Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri - Borang PI-2A/JKR
- vii. Borang Pemeriksaan Dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri – Borang PI-3/JKR

Rujukan

- i. Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Persekutuan / Lebuhraya Tahun 2011 yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

1. Permohonan untuk mendirikan struktur paparan iklan di rezab Jalan Negeri adalah tertakluk kepada Seksyen 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu:-

Pembinaan struktur bagi iklan, dsb.

Seksyen 85A.

- i. Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kerja raya (dalam seksyen ini disebut "Menteri" kemudian daripada ini) berhubung dengan mana-mana jalan rezab yang bersempadanan dengan jalan Persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan mana-mana jalan rezab yang lain, di dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), jika jalan rezab itu tidak digunakan pada masa itu bagi maksud yang baginya ia direzabkan, memberikan hak pendudukan bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian jalan rezab itu kepada mana-mana orang bagi maksud mendirikan struktur bagi iklan atau pengumuman awam lain bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat, termasuk caj pendudukan, sebagaimana yang Menteri atau pihak berkuasa itu menentukan.*
- ii. Tiada hak pendudukan sedemikian boleh diberikan melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur struktur itu (termasuk butir-butir yang ditetapkan) telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh menghendaki supaya dibayar deposit jaminan dan dibeli insuran liabiliti awam, bagi apa-apa jumlah wang yang Menteri atau pihak berkuasa itu memikirkan patut, oleh pemohon sebagai sebahagian daripada syarat bagi kelulusan.*
- iii. Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia dan mengawal pembinaan struktur itu.*

1.1 Perwakilan Kuasa

i. Akta Perwakilan Kuasa 1956

Seksyen 5 memperuntukkan:

“Menteri Kerja Raya mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkenaan jalanraya Persekutuan di Negeri Sabah kepada Pengarah Kerja Raya Sabah”.

ii. Warta Kerajaan No. 231 bertarikh 08 Mei 2008

"Perkara 9(1) Perlembagaan Negeri Sabah, Yang di-Pertua Negeri Sabah, menurut nasihat Ketua Menteri telah menugaskan tanggungjawab-tanggungjawab bagi urusan Kerajaan dan Pentadbiran Jabatan Kerja Raya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur untuk menjalankan kuasa-kuasa atas urusan-urusan Kerajaan mengenai jalanraya JKR selain daripada jalanraya Persekutuan di Negeri Sabah."

PRINSIP ASAS

2. Struktur paparan iklan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas berikut:-

- i. Tidak menjadi *traffic hazard* kepada pengguna Jalan Negeri;
- ii. Tidak menghalang / melindungi / mengganggu:-
 - a) papan tanda lalu lintas (*traffic sign*);
 - b) peralatan kawalan lalu lintas (*traffic control devices*);
 - c) jarak pemandangan pemandu kenderaan; dan
 - d) perhatian pemandu kenderaan.
- iii. Mesej dan reka bentuk struktur paparan iklan tidak mengelirukan pemandu kenderaan;

- iv. Struktur paparan iklan tidak merosakkan dan/atau mencemarkan keindahan alam sekitar di Jalan Negeri dan juga tidak menghalang atau melindungi pandangan bangunan / institusi / struktur estetik sejarah, rumah ibadat dan komersil yang sedia ada;
- v. Tidak dibenarkan memotong, mencantas, menebang pokok-pokok sedia ada melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada JKR / PBT;
- vi. Struktur paparan iklan tidak mengganggu kerja-kerja penyenggaraan dan pemeriksaan terhadap struktur sedia ada seperti *pier column* / rasuk jejambat; dan
- vii. Struktur paparan iklan hendaklah sentiasa bersih, kukuh dan kemas.

KAWASAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENDIRIKAN STRUKTUR PAPAN IKLAN

3. Kawasan-kawasan yang boleh dipertimbangkan untuk mendirikan struktur paparan iklan:-
 - i. Di dalam kawasan Rehat & Rawat (*Rest & Service Area*) serta hentian sebelah (*Lay-by*) yang berada dalam rezab Jalan Negeri dan mengikut kesesuaian tapak;
 - ii. Kawasan di dalam *loop* persimpangan bertingkat dengan syarat pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada Audit Keselamatan Jalan;
 - iii. Pada jambatan / jejantas / jejambat (parapet) milik Kerajaan Negeri yang melintasi Lebuhraya atau jalan raya, mengikut kesesuaian tapak dan geometri;

- iv. Rezab Jalan Negeri dalam bandar: Jarak di antara satu paparan iklan dengan yang lain hendaklah sekurang-kurangnya **500 meter - 1000 meter** bergantung kepada hadlaju jalan dan kesesuaian tapak berkenaan; dan
- v. Jalan Negeri antara bandar (*inter urban*): Jarak di antara satu paparan iklan dengan yang lain hendaklah sekurang-kurangnya **1 km – 2 km** bergantung kepada hadlaju jalan dan kesesuaian tapak berkenaan.
- vi. Paparan iklan sementara seperti '*banner*' atau '*streamer*' hanya dibenarkan diletakkan di dalam kawasan pembahagi jalan dan digantung. Tiang yang kukuh harus disediakan dan yang bersesuaian dengan saiz iklan tersebut boleh digunakan. '*Banner*' atau '*streamer*' yang dibenarkan tidak berorientasikan komersial, maksudnya '*Banner*' atau '*streamer*' hanya boleh digunakan untuk acara rasmi kerajaan, pengumuman awam atau pemberitahuan sebarang maklumat atau acara. '*Banner*' atau '*streamer*' tersebut mestilah mempunyai standard saiz 60cm X 180cm. Jumlah perkataan maksimum yang boleh digunakan adalah 12 perkataan dan saiz minimum perkataan adalah 15cm.

KAWASAN YANG DILARANG MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN

4. Kawasan-kawasan yang dilarang untuk mendirikan struktur paparan iklan:-
 - i. **300 meter** sebelum dan **100 meter** selepas dari satu-satu papan tanda lalulintas;
 - ii. **500 meter** sebelum mana-mana persimpangan mendatar (*at-grade*), persimpangan bertingkat (*interchange*) dan sebelum kawasan rehat & rawat (R&R) serta hentian sebelah (*Lay-by*);
 - iii. Selekoh-selekoh yang boleh mengganggu jarak penglihatan pemandu;
 - iv. Penambahan paparan iklan di atas struktur sedia ada di lokasi yang sama;

- v. Struktur paparan iklan tidak dibenarkan ditempatkan di dalam rezab sesuatu infrastruktur lain (rezab pencawang / talian elektrik, rezab sungai dan lain-lain) tanpa mendapat kelulusan daripada pihak agensi yang berkenaan;
- vi. Kawasan-kawasan cerun yang tinggi dan terowong;
- vii. Struktur paparan iklan yang menghalang laluan dan menggugat keselamatan;
- viii. Kawasan **15 km radius** dari landasan lapangan terbang hendaklah merujuk kepada Jabatan Penerbangan Awam; dan
- ix. Lain-lain kawasan yang membahayakan pengguna jalan raya.

JENIS-JENIS STRUKTUR PAPARAN IKLAN YANG DIBENARKAN

5. Jenis-jenis struktur paparan yang dibenarkan mengikut Seksyen 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987:-

a) *Unipole*

- i. 1 paparan
- ii. 2 paparan
- iii. 3 paparan

b) *Twinpole*

- i. 1 paparan
- ii. 2 paparan

c) *Minipole*

- i. 1 paparan
- ii. 2 paparan
- iii. 3 paparan

d) *Freestanding*

e) *Gantri*

- i. Keseluruhan gerbang gantri
- ii. Pada bahagian belakang gantri sedia ada

f) *Parapet*

g) *Paparan kontena (Container Display)*

h) *Iklan Elektronik (i-Board)*

KEPERLUAN REKABENTUK DAN SAIZ STRUKTUR PAPARAN IKLAN

6. Struktur paparan iklan hendaklah direkabentuk dan disediakan oleh Jurutera Profesional yang bertauliah dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Rekabentuk yang dikemukakan hendaklah mengandungi perincian dan mengambil kira keperluan beban, kelajuan angin, asas dan sebagainya serta disahkan selamat. Rekabentuk hendaklah mengikut amalan kejuruteraan semasa di Malaysia. Spesifikasi asas bagi struktur paparan iklan yang dibenarkan adalah seperti berikut:-
- i. Paparan iklan jenis *Unipole* hendaklah mempunyai **keluasan maksima 223 meter persegi** (2400 kaki persegi). Ketinggian tiang dari aras tanah ke bahagian bawah paparan iklan hendaklah setinggi **8 meter (minimum)**;
 - ii. Paparan iklan jenis *Freestanding* hendaklah berbentuk segiempat tepat dan mempunyai dimensi / ukuran saiz **lebar maksima 15 meter** dan **tinggi maksima 5 meter** (*max.* 15x5). Ketinggian bahagian bawah paparan iklan hendaklah tidak kurang daripada **3 meter**, diukur dari paras permukaan jalan atau bahu jalan, mengikut mana yang lebih tinggi;
 - iii. Paparan iklan jenis Parapet pada jambatan / jejantas / jejambat hendaklah mempunyai lebar yang bersesuaian dengan rentangan jambatan / jejantas (*bridge span*) dan mempunyai **tinggi maksima 2 meter**. Ia hendaklah dipasang di bahagian yang tidak menutup / menghalang pandangan bagi menjamin keselamatan pengguna;
 - iv. Penghujung struktur paparan iklan hendaklah mempunyai *setback* tidak kurang daripada **3 meter** dari bahu jalan;
 - v. Struktur paparan iklan tidak dibenarkan melampaui ruang udara kawasan bersebelahan atau di luar rezab Jalan Negeri;
 - vi. Pengadang rel (*guardrail*) hendaklah dipasang di tempat-tempat di mana struktur paparan iklan itu dijangka membahayakan pengguna jalan raya;

- vii. Bagi struktur paparan iklan yang mempunyai lampu penyuluh atau bercahaya, pencahayaan dari paparan iklan itu hendaklah tidak mengganggu penglihatan serta tidak terlalu terang sehingga menyebabkan silau kepada pengguna jalan raya;
- viii. Bekalan elektrik untuk pencahayaan paparan iklan hendaklah dipohon daripada pihak berkuasa pembekal elektrik;
- ix. Bahagian belakang struktur paparan iklan atau mana-mana bahagian paparan iklan yang tidak terlibat dengan iklan mestilah dicat serta sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas;
- x. Bagi kes-kes di mana keperluan rekabentuk perlu dibuat pengubahsuaian memandangkan keadaan dan kawasan tapak yang terhad, maka butir-butir rekabentuk, pelan kejuruteraan, saiz paparan iklan dan keadaan tapak perlu dijelaskan berserta dengan justifikasi yang kukuh oleh Jurutera Profesional;
- xi. Struktur paparan iklan yang didirikan hendaklah teratur dari segi saiz dan lokasi supaya tidak menjejaskan visual persekitaran; dan
- xii. Mematuhi lain-lain rekabentuk dan saiz struktur paparan iklan yang ditetapkan oleh JKR / PBT.

BAYARAN YANG DIKENAKAN

7. Setiap permohonan untuk mendirikan paparan iklan dikenakan bayaran seperti berikut:-

i. Bayaran Fi Pemprosesan

Bayaran fi pemprosesan perlu dijelaskan oleh pemohon semasa mengemukakan borang permohonan. Bayaran ini dikenakan bagi setiap permohonan untuk setiap lokasi dan **tidak akan dikembalikan** sama ada permohonan tersebut lulus ataupun tidak. Jumlah bayaran adalah seperti di

Jadual 1:-

Jenis	Bayaran Fi Pemprosesan (RM)
<i>Pole</i>	1000
<i>Freestanding</i>	500
Gantri	1000
Parapet	500
Paparan Kontena	500
Iklan Elektronik	500
'Banner/Streamer'	200

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri atas Kertas Kabinet No. KK71/2011 dibuat pada 7 Disember 2011

Jadual 1: Bayaran Fi Pemprosesan

ii. Bayaran Caj Sewaan

Bayaran caj sewaan perlu dijelaskan oleh pemohon selepas mendapat surat tawaran mendirikan struktur paparan iklan daripada Pengarah Kerja Raya Sabah dan perlu dibuat dalam tempoh **1 bulan** dari tarikh surat tawaran. Caj sewaan perlu dijelaskan secara tahunan. Jika kelulusan melebihi satu tahun, pemohon perlu membayar caj sewaan tahun berikutnya **2 bulan** sebelum berakhirnya tempoh tahun sebelumnya. Kadar bayaran sewaan seperti di **Jadual 2** adalah mengikut zon berdasarkan lokasi permohonan yang ditawarkan. Huraian setiap zon adalah seperti di **Jadual 3**.

JENIS		KADAR BAYARAN SETAHUN	
		ZON 1	ZON 2
INDUK	SUB	RM	RM
<i>Pole</i>	<i>Unipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	20,000	10,000
	<i>Twinpole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan	20,000	10,000
	<i>Minipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	15,000	10,000
	Lain-lain	15,000- 20,000	10,000- 15,000
<i>Freestanding</i>		7,000	5,000
Gantri	Keseluruhan gerbang gantri	35,000	20,000
	Pada bahagian belakang gantri sedia ada	3,000	2,000
	Lain-lain	35,000- 7,000	20,000- 2,000
Parapet		10,000	6,000
Paparan Kontena		7,000	5,000
Iklan Elektronik (<i>i-Board</i>)		35,000	20,000
'Banner/Streamer'		-	-

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri atas Kertas Kabinet No. KK71/2011 dibuat pada 7 Disember 2011

Jadual 2: Kadar Caj Sewaan

ZON	HURAIAN
Zon 1	Daerah Kota Kinabalu termasuk kawasan dalam Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Zon 2	Daerah Sandakan termasuk kawasan dalam Majlis Perbandaran Sandakan, Daerah Tawau termasuk kawasan dalam Majlis Perbandaran Tawau, Daerah Kudat termasuk kawasan dalam Lembaga Bandaran Kudat dan lain-lain Daerah termasuk kawasan dalam Majlis-Majlis Daerah di Sabah yang tidak dinyatakan di dalam Zon 1.

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri atas Kertas Kabinet No. KK71/2011 dibuat pada 7 Disember 2011

Jadual 3: Huraian Zon Lokasi

WANG CAGARAN

8. Pemohon yang berjaya hendaklah mengemukakan wang cagaran dalam bentuk Jaminan Bank seperti di **Jadual 4** atas nama Kerajaan Sabah sebagai jaminan sekiranya pihak pemohon gagal memenuhi perkara berikut:-
 - i. syarat-syarat kelulusan;
 - ii. gagal menurunkan struktur paparan iklan yang telah tamat tempoh penyenggaraan;
 - iii. gagal menurunkan struktur paparan iklan sekiranya mendapat arahan kerajaan untuk menurunkan struktur tersebut atas apa sebab sekali pun; dan/atau
 - iv. paparan iklan tidak sempurna.

9. Kegagalan pemohon mematuhi mana-mana syarat atau peruntukan yang telah ditetapkan, JKR berhak mengambil wang cagaran / jaminan bank di atas bagi tujuan seperti di Perenggan (8) di atas.

JENIS		JUMLAH JAMINAN BANK	
		ZON 1	ZON 2
INDUK	SUB	RM	RM
<i>Pole</i>	<i>Unipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	20,000	10,000
	<i>Twinpole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan	20,000	10,000
	<i>Minipole</i> (i) 1 paparan (ii) 2 paparan (iii) 3 paparan	15,000	10,000
	Lain-lain	15,000- 20,000	10,000- 15,000
<i>Freestanding</i>		7,000	5,000
Gantri	Keseluruhan gerbang gantri	35,000	20,000
	Pada bahagian belakang gantri sedia ada	3,000	2,000
	Lain-lain	35,000- 7,000	20,000- 2,000
Parapet		10,000	6,000
Paparan Kontena		7,000	5,000
Iklan Elektronik (<i>i-Board</i>)		35,000	20,000
'Banner/Streamer'		-	-

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri atas Kertas Kabinet No. KK71/2011 dibuat pada 7 Disember 2011

Jadual 4: Jumlah Jaminan Bank

INSURAN TANGGUNGAN AWAM

10. Pihak pengiklan hendaklah mengambil **Insuran Tanggungan Awam** (*Public Liability Insurance*) bagi melindungi Kerajaan dan JKR daripada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga akibat daripada pembinaan struktur iklan tersebut.
11. Perlindungan ini hendaklah meliputi sepanjang tempoh jangka hayat sesebuah struktur paparan iklan yang dipamerkan di Jalan Negeri bermula daripada peringkat pembinaan, peringkat pengiklanan dan peringkat pelupusan struktur tersebut. Had tuntutan maksima adalah **Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00) sahaja** bagi setiap tuntutan di mana bilangan tuntutan adalah tidak terhad.

PROSES PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN

13. Proses bagi setiap permohonan adalah seperti berikut:-
 - i. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang PI-1/JKR**. Borang permohonan hendaklah dilengkapi bersama-sama tiga (3) salinan pelan lokasi, gambar lokasi, pelan lakaran struktur iklan serta bayaran fi pemprosesan seperti di **Jadual 1**;
 - ii. Satu lawatan tapak perlu diadakan oleh pemohon bersama pihak JKR bagi mengenalpasti lokasi sebenar yang dipohon;
 - iii. Sekiranya terdapat kes di mana permohonan mendirikan struktur paparan iklan melibatkan pihak ketiga (cth: Majlis Daerah, Pejabat Daerah, dsb.) yang juga merupakan agensi berkuasa ke atas jalan tersebut, maka pemohon dinasihatkan untuk merujuk terlebih dahulu dengan agensi tersebut. Surat ulasan atau pandangan daripada pihak ketiga perlu dikemukakan kepada Pengarah Kerja Raya Sabah semasa permohonan dibuat. Syarat dan ulasan pihak ketiga hendaklah diambilkira semasa memberi tawaran kepada pemohon;

- iv. Pengarah Kerja Raya Sabah akan mengeluarkan Surat Tawaran untuk memaklumkan pemohon yang berjaya bagi mengemukakan **Borang PI-1A/JKR** bersama-sama dengan **Borang PI-2/JKR** berserta bukti pembayaran seperti berikut dalam tempoh **1 bulan** kepada JKR daripada tarikh Surat Tawaran:-
 - a) Bayaran Caj Sewaan;
 - b) Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank; dan
 - c) Insurans Tanggungan Awam (*Public Liability Insurance*).

- v. Surat Kelulusan akan dikeluarkan setelah perkara di Para (iv) dipenuhi. Setelah diluluskan, pemohon bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan-keperluan berikut:-
 - a) Mendapatkan lesen daripada PBT dan kelulusan daripada Perancang Bandar;
 - b) Mendapatkan kelulusan daripada Pengarah Tanah & Ukur (PTU) / Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) Daerah bagi permohonan yang melibatkan tanah persendirian.

- vi. Pemohon juga perlu mengemukakan Perakuan Pelan Struktur dan Rekabentuk Terperinci (**Borang PI-2/JKR**) yang disahkan oleh Jurutera Profesional kepada JKR **sebelum** mendirikan struktur paparan iklan yang diluluskan;

- vii. Pemohon yang berjaya akan diberi tempoh **2 bulan (kecuali struktur jenis Gantri yang diberi masa 3 bulan)** dari tarikh surat kelulusan bagi mendirikan struktur paparan iklan. Pemohon juga perlu mendapatkan kebenaran permit kerja daripada JKR sebelum pembinaan dijalankan. Selepas struktur paparan iklan berkenaan didirikan, pemohon dikehendaki mengemukakan **Borang PI-2A/JKR** bagi mendapatkan sijil kelayakan struktur paparan iklan dalam tempoh **14 hari**. Satu sijil kelayakan struktur paparan iklan akan dikeluarkan oleh JKR jika struktur tersebut mengikut spesifikasi dan syarat;

- viii. Pengarah Kerja Raya Sabah berhak menentukan tempoh kelulusan mengikut jenis struktur paparan iklan yang dipohon dan dirasakan bersesuaian;
- ix. Tempoh kelulusan dan caj sewaan akan berkuatkuasa pada tarikh Sijil Kelayakan Struktur Paparan Iklan dikeluarkan **atau** selepas 2 bulan (3 bulan untuk jenis Gantri) dari tarikh Surat Kelulusan dikeluarkan, berdasarkan **mana yang lebih awal**. Jika pemohon gagal mendirikan struktur paparan iklan dalam tempoh 12 bulan selepas Surat Kelulusan, maka kelulusan yang diberikan akan ditarik balik; dan
- x. Sekiranya pihak pemohon masih belum memperolehi permit pengiklanan dalam tempoh **dua (2) bulan** dari tarikh Surat Kelulusan JKR, maka pihak pemohon hendaklah mengemukakan rayuan bagi mendapatkan lanjutan masa (bagi penguatkuasaan tempoh kelulusan bermula) dengan mengemukakan sebab-sebab yang munasabah.

PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH KELULUSAN

- 14. Permohonan melanjutkan tempoh kelulusan hendaklah dikemukakan berserta dengan surat kelulusan yang asal dalam tempoh **4 bulan** terakhir sebelum tamat tempoh kelulusan tersebut. Permohonan ini akan dianggap sebagai permohonan baru (bayaran fi pemprosesan akan dikenakan).

PERMOHONAN MENDIRIKAN PAPARAN IKLAN SELEPAS MENDAPAT KELULUSAN MENAJA STRUKTUR KEMUDAHAN AWAM JEJANTAS PEJALAN KAKI

15. Pemohon yang telah **mendapat kelulusan** bagi menaja pembinaan jejantas pejalan kaki akan dipertimbangkan untuk mendirikan struktur paparan iklan pada jejantas pejalan kaki tersebut. Bayaran fi pemprosesan bagi permohonan ini akan dikenakan seperti permohonan lain (kecuali dinyatakan sebaliknya dalam kelulusan penajaan) dan caj sewaan yang dikenakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Pengarah Kerja Raya.

SYARAT-SYARAT LAIN YANG PERLU DIPATUHI

16. Kerja-kerja membina atau menurunkan struktur paparan iklan hendaklah tidak mengganggu kelancaran trafik di kawasan tersebut. Kawasan tapak perlu bersih dan kemas pada setiap masa sama ada semasa kerja-kerja pembinaan atau penurunan struktur paparan iklan tersebut .

17. Permukaan hadapan paparan iklan mestilah menghala/menghadap ke arah Jalan Negeri seperti yang telah dipohon oleh pemohon. Sebarang paparan iklan di bahagian belakang struktur paparan iklan adalah **dilarang**.

18. JKR berhak mengarahkan pihak pemohon mengalihkan struktur paparan iklan ke lokasi lain atau merobohkannya sekiranya tapak paparan berkaitan diperlukan untuk kegunaan awam dengan memberi notis awal kepada pemohon. Pihak JKR adalah tidak tertakluk dalam mana-mana peraturan untuk memberi lokasi gantian kepada pemohon tersebut. Sekiranya pihak pemohon gagal mengalihkan atau menurunkan struktur seperti yang diarahkan di dalam notis, maka JKR berhak merobohkan atau menurunkan struktur paparan iklan itu sebaik sahaja tamat tempoh notis yang dikeluarkan. Kos menurunkan struktur perlu ditanggung oleh pemohon **atau** Wang Cagaran akan digunakan sebagai bayaran untuk kerja-kerja perobohan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh JKR.

19. Kementerian Pembangunan Infrastruktur/JKR berhak meletakkan syarat-syarat baru atau tambahan atas kelulusan yang telah diberikan dari masa ke semasa.

PENYELENGGARAAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN SECARA TAHUNAN


20. Pemohon struktur paparan iklan dikehendaki membuat penyenggaraan ke atas semua struktur paparan iklan supaya sentiasa berada dalam keadaan baik, bersih, kemas dan tidak membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya.
21. Pemeriksaan dan perakuan untuk memperolehi Sijil Pemeriksaan dan Penyenggaraan Struktur Paparan Iklan hendaklah dibuat setiap tahun oleh Jurutera Profesional bertauliah menggunakan **Borang PI-3/JKR** untuk dikemukakan kepada JKR dalam tempoh **3 bulan** terakhir setiap tahun.
22. Kegagalan mengemukakan **Borang PI-3/JKR** akan mengakibatkan JKR tidak teragak-agak untuk menarik balik kelulusan dan pemohon diminta merobohkan struktur paparan iklan tersebut. Sekiranya pemohon gagal merobohkan struktur iklan seperti yang diarahkan, Wang Cagaran akan digunakan sebagai bayaran untuk kerja-kerja perobohan oleh pihak ketiga yang akan dilantik oleh JKR.

TAMAT TEMPOH KELULUSAN

23. Sekiranya pihak pengiklan tidak berminat untuk memohon kelulusan lanjutan bagi struktur paparan iklan, pihak pengiklan hendaklah memohon kepada JKR bagi mendapatkan surat **Pelepasan Gerenti Bank Dan Insuran Liabiliti Awam** sebaik sahaja tempoh kelulusan tamat. Satu lawatan dan pemeriksaan bersama akan dibuat bagi meninjau kawasan tapak berkenaan bagi memastikan ia telah dibersihkan dan dibaikpulih seperti keadaan asal. JKR akan mengeluarkan surat pelepasan dalam tempoh **satu (1) bulan** dari tarikh pemeriksaan dijalankan dan setelah kerja-kerja pembersihan dan baikpulih diterima sepenuhnya.

CARTA ALIR

PROSES KERJA PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM REZAB JALAN NEGERI



**BORANG PERMOHONAN
PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM REZAB JALAN NEGERI**

[Untuk kegunaan pejabat sahaja]

No. Ruj. Permohonan : _____ Tarikh Permohonan : _____
--

Kepada:

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
88582 KOTA KINABALU

Tuan,

PERMOHONAN MENDIRIKAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM REZAB JALAN NEGERI

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan permohonan untuk mendirikan struktur paparan iklan di dalam rezab Jalan Negeri. Maklumat lengkap permohonan saya/kami adalah seperti berikut:-

2.1 Maklumat Pemohon

- (a) Nama Syarikat : _____
- (b) No. Pendaftaran Syarikat : _____
- (c) Alamat Syarikat : _____

- (d) Nama Pemohon : _____
- (e) No. Telefon Pejabat : _____
- (f) No. Telefon Bimbit : _____
- (g) No. Faks : _____
- (h) Emel : _____

2.2 Maklumat Struktur Paparan Iklan

- (a) Jenis Struktur Paparan Iklan : _____
(Jadual 2)
- (b) Saiz Papan Iklan : _____
- (c) Lokasi:-
 - No. Laluan : _____
 - Kilometer : _____
 - Dari Bandar : _____
 - Ke Bandar : _____
 - No. Seksyen : _____
 - Arah : _____
 - Daerah : _____
 - Negeri : _____
 - Zon Lokasi (Jadual 3) : *Zon 1 / Zon 2

Nota :-

- a) Permohonan berasingan perlu dikemukakan untuk setiap struktur paparan iklan; dan
- b) Perlu kemukakan Pelan Lokasi (**tiga (3) salinan**), Gambar Lokasi (berwarna), Pelan Lakaran Struktur dan Surat Ulasan Pihak Ketiga (jika ada) bersama-sama permohonan ini.

Kami memberi perakuan dan pengesahan bahawa permohonan ini mematuhi peraturan-peraturan seperti dinyatakan dalam Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri serta Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj Bagi Mendirikan Struktur Bagi Papan Iklan di Jalan Negeri) 2010 dan saya/kami pada setiap masa akan memastikan semua peraturan ini dan sebarang syarat yang akan ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur/JKR kemudian akan dipatuhi sekiranya permohonan ini diluluskan kelak.

Bersama-sama ini saya/kami sertakan *Bank Draf/Kiriman Wang (No. *Bank Draf/Kiriman Wang:) berjumlah Ringgit Malaysia (RM) atas nama **PENGARAH KERJA RAYA SABAH** untuk bayaran fi pemprosesan sepertimana yang telah ditetapkan.

- _____
(Tandatangan Pemohon)
- (a) Nama : _____
 - (b) Jawatan : _____
 - (c) No. Kad Pengenalan : _____
 - (d) Tarikh : _____
 - (e) Cop Syarikat : _____

* Potong mana yang tidak berkenaan

PERAKUAN SETUJU TERIMA
Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan
Di Dalam Rezab Jalan Negeri

Kepada:

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
88582 KOTA KINABALU

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN PEMASANGAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM REZAB JALAN NEGERI

Saya/kami **bersetuju** untuk menerima tawaran pemasangan paparan iklan di dalam rezab Jalan Negeri yang telah ditawarkan kepada syarikat kami.

2. Butir-butir struktur paparan iklan yang ditawarkan kepada saya/kami adalah seperti berikut:-

Maklumat Permohonan

(a)	No. Ruj. Permohonan	:	_____
(b)	Jenis Struktur Paparan Iklan	:	_____
(c)	Saiz Papan Iklan	:	_____
(d)	Lokasi:-		
	No. Laluan	:	_____
	Kilometer	:	_____
	Dari Bandar	:	_____
	Ke Bandar	:	_____
	No. Seksyen	:	_____
	Arah	:	_____
	Daerah	:	_____
	Negeri	:	_____
	Zon Lokasi	:	*Zon 1 / Zon 2

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen yang diperlukan dan bukti-bukti pembayaran seperti di bawah:-

- (i) Bayaran Caj Sewaan atas nama **Pengarah Kerja Raya Sabah** sebanyak RM_____ (Ringgit Malaysia: _____) No. Resit Rasmi: _____;
- (ii) Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank atas nama **Kerajaan Sabah** sebanyak RM_____ (Ringgit Malaysia: _____) No. Rujukan : _____;
- (iii) Polisi Tanggungan Awam (*Public Liability Insurance*) atas nama **Kerajaan Sabah** sebanyak RM _____ (Ringgit Malaysia: _____) bagi setiap tuntutan tidak terhad kepada bilangan tuntutan;
- (iv) **Borang PI-2/JKR** (Perakuan Pelan Struktur & Pelan Lokasi) bersama **tiga (3) salinan** pelan yang telah disahkan oleh Jurutera Profesional; dan
- (v) **Satu (1) salinan** surat tawaran daripada Jabatan Kerja Raya Sabah.

4. Dengan ini saya/kami memperakui telah membuat pembayaran seperti di atas dan kami akan mematuhi Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Papan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri serta Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj Bagi Mendirikan Struktur Bagi Papan Iklan di Jalan Negeri) 2010.

** Potong mana yang tidak berkenaan*

Orang Yang Mengemukakan:

		(Tandatangan Pemohon)
(a) Nama	:	_____
(b) Jawatan	:	_____
(c) Nama Syarikat	:	_____
(d) No. Pendaftaran Syarikat	:	_____
(e) Alamat Syarikat	:	_____

(f) No. Telefon	:	_____
(g) No. Faks	:	_____
(h) Emel	:	_____
(i) Tarikh	:	_____

s.k.: Jurutera Daerah berkenaan

PERAKUAN PELAN-PELAN STRUKTUR DAN PELAN LOKASI
Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan
Di Dalam Rezab Jalan Negeri

Kepada:

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
88582 KOTA KINABALU

PERAKUAN PELAN-PELAN STRUKTUR DAN PELAN LOKASI

PEMOHON :
NO. RUJ. PERMOHONAN :

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini saya/kami sertakan maklumat lengkap berhubung permohonan mendirikan struktur paparan iklan yang telah ditawarkan kepada saya/kami:-

A) MAKLUMAT PERMOHONAN

(a) Nama Syarikat : _____
(b) No. Pendaftaran Syarikat : _____
(c) Alamat : _____

(d) No. Telefon : _____
(e) No. Faks : _____
(f) Emel : _____

B) BUTIR-BUTIR LOKASI DAN PELAN-PELAN STRUKTUR

(a) Jenis Struktur Paparan Iklan : _____
(b) Saiz Papan Iklan : _____
(c) Lokasi:-
No. Laluan : _____
Kilometer : _____
Dari Bandar : _____
Ke Bandar : _____
No. Seksyen : _____
Arah : _____

Daerah : _____
 Negeri : _____
 (d) No. Pelan Struktur : _____
 (e) No. Pelan Lokasi : _____

C) MAKLUMAT PEREKABENTUK

(a) Nama Jurutera Profesional : _____
 (b) No. Pendaftaran Jurutera : _____
 (c) Alamat Syarikat : _____
 : _____
 : _____
 (d) No. Telefon : _____
 (e) No. Faks : _____
 (f) Emel : _____
 (g) Tarikh : _____

3. PENGESAHAN

Dengan ini saya/kami memperakui butir-butir di atas adalah **benar** dan menurut kehendak Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rezab Jalan Negeri serta Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj Bagi Mendirikan Struktur Bagi Papan Iklan di Jalan Negeri) 2010. Saya/kami juga memperakui bahawa **tiga (3) salinan** Pelan Struktur yang dikemukakan adalah benar dan mendapat pengesahan daripada Jurutera Profesional yang bertauliah.

(Tandatangan Pemohon)

(a) Nama : _____
 (b) Jawatan : _____
 (c) Nama Syarikat : _____
 (d) No. Pendaftaran Syarikat : _____
 (e) Alamat : _____
 : _____
 : _____
 (f) No. Telefon : _____
 (g) No. Faks : _____
 (h) Emel : _____
 (i) Tarikh : _____

s.k.: Jurutera Daerah berkenaan

**PERMOHONAN BAGI PENGELUARAN SIJIL KELAYAKAN
BAGI STRUKTUR PAPARAN IKLAN
DI DALAM REZAB JALAN NEGERI**

Kepada:

Jurutera Daerah

.....
.....
.....
.....

Tuan,

**PERMOHONAN SIJIL KELAYAKAN BAGI STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM REZAB
JALAN NEGERI**

PEMOHON :
NO. RUJ. PERMOHONAN :

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Saya/kami **memperakui** bahawa butir-butir maklumat dan pelan seperti berikut:-

- (a) Jenis Struktur Paparan Iklan : _____
- (b) Saiz Papan Iklan : _____
- (c) Lokasi:-
 - No. Laluan : _____
 - Kilometer : _____
 - Dari Bandar : _____
 - Ke Bandar : _____
 - No. Seksyen : _____
 - Arah : _____
 - Daerah : _____
 - Negeri : _____
- (d) No. Pelan Struktur : _____
- (e) No. Pelan Lokasi : _____

adalah menurut pelan-pelan yang diluluskan dan menurut spesifikasi serta mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Saya/kami memperakui bahawa saya/kami telah mengawasi pembinaan dan penyiapan paparan iklan dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya/kami kerja-kerja itu adalah menurut Pelan-Pelan Struktur dan Pelan Lokasi dan saya/kami setuju terima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya ke atas bahagian-bahagian yang baginya saya/kami masing-masing adalah berkenaan.

Orang Yang Mengemukakan

(Tandatangan Jurutera Profesional)

- (a) Nama Jurutera Profesional : _____
- (b) No. Pendaftaran Jurutera : _____
- (c) Alamat Syarikat : _____

- (d) No. Telefon : _____
- (e) No. Faks : _____
- (f) Emel : _____
- (g) Tarikh : _____

(Tandatangan Pemohon)

- (a) Nama : _____
- (b) Jawatan : _____
- (c) Nama Syarikat : _____
- (d) No. Pendaftaran Syarikat : _____
- (e) Alamat : _____
: _____
: _____

- (d) No. Telefon : _____
- (e) No. Faks : _____
- (f) Emel : _____
- (g) Tarikh : _____

**BORANG PEMERIKSAAN DAN PENYENGGARAAN
STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM REZAB
JALAN NEGERI**

Kepada:

Jurutera Daerah

.....
.....
.....

Tuan,

**PEMERIKSAAN DAN PENYENGGARAAN STRUKTUR PAPARAN IKLAN DI DALAM REZAB
JALAN NEGERI**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dikemukakan maklumat lengkap lokasi struktur iklan yang telah saya/kami dirikan di dalam rezab Jalan Negeri:-

2.1 Maklumat Pemohon

- (a) Nama Syarikat : _____
- (b) No. Pendaftaran Syarikat : _____
- (c) Alamat Syarikat : _____

- (d) Nama Pemohon : _____
- (e) No. Telefon Pejabat : _____
- (f) No. Telefon Bimbit : _____
- (g) No. Faks : _____
- (h) Emel : _____

2.2 Maklumat Struktur Paparan Iklan

- (a) No. Ruj. Permohonan : _____
- (b) Tempoh Sah : _____
 - (i) Tarikh Mula : _____
 - (ii) Tarikh Tamat : _____
- (c) Jenis Struktur Paparan Iklan : _____
- (d) Saiz Papan Iklan : _____
- (e) Lokasi:- _____

No. Laluan : _____
Kilometer : _____
Dari Bandar : _____
Ke Bandar : _____
No. Seksyen : _____
Arah : _____
Daerah : _____
Negeri : _____

2.3 Maklumat Perekabentuk

(a) Nama Jurutera Profesional : _____
(b) No. Pendaftaran Jurutera : _____
(c) Alamat Syarikat : _____
: _____
: _____
(d) No. Telefon : _____
(e) No. Faks : _____
(f) Emel : _____
(g) Tarikh : _____

Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membuat pemeriksaan kepada paparan iklan tersebut diatas dan mengesahkan bahawa paparan iklan itu dalam keadaan baik, keadaan strukturnya adalah teguh, keadaan kimpalan dan juga *fastener* masih lagi utuh.

Saya/kami juga tidak meragui akan keutuhan struktur paparan iklan tersebut dan kami mengesahkan bahawa ianya tidak membahayakan para pengguna jalan raya, orang-orang awam dan juga mana-mana pihak yang berada di persekitaran struktur tersebut dan kami setuju menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas struktur tersebut.

_____ (Tandatangan Pemohon)
(a) Nama : _____
(b) Jawatan : _____
(c) No. Kad Pengenalan : _____
(d) Tarikh : _____
(e) Cop Syarikat : _____

* Potong mana yang tidak berkenaan